

17/10/2000

Selangor tuan rumah Minggu Alam Sekitar

SHAH ALAM, Isnin - Selangor dipilih sebagai tuan rumah Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM 2000) dari 21 hingga 27 Oktober, yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dataran Shah Alam.

Pelbagai acara akan diadakan bagi memeriahkan sambutan MASM 2000 yang bertemakan 'Alam Sekitar Dihargai Kesejahteraan Dinikmati'.

Ini termasuk pameran MASM dan perasmian Press Fresh Flower di Plaza Alam Sentral, pertandingan melukis kanak-kanak di Kompleks PKNS dan Konsert Apresiasi Alam anjuran bersama TMS 2000 Sdn Bhd di Dataran Shah Alam.

(END)